



BERITA

EDISI KETIGA | 03
2020

PASIR GUDANG

TERBITAN RASMI MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

MEI - JUN 2020 | ١٤٤١ هـ - رمضان



ANUGERAH ZON TERAKTIF JKPZ 2019



LAWATAN

**YANG BERTHORMAT TUAN HAJI AYOB BIN JAMIL,
PENGURUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN NEGERI JOHOR**

5 Program Jalinan Muafakat dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) 2020

6 Penyerahan Projek Perintis Laluan Basikal Iskandar Malaysia

9 Kempen Derma Darah anjuran HSA, JB



ISI KANDUNGAN

- 3 Anugerah Zon Teraktif JKPZ 2019.
- 4 Lawatan Yang Berhormat Tuan Haji Ayob Bin Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor.
- 5 Program Jalinan Muafakat Dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) 2020 Bersama Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara.
- 6 Penyerahan Projek Perintis Laluan Basikal Iskandar Malaysia Di Majlis Perbandaran Pasir Gudang.
- 7 Taklimat Perkhidmatan Perunding Penyediaan Laporan Penilaian Semula Dan Senarai Nilai Baru Bagi Pegangan Berkadar Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Pasir Gudang.
Majlis Meraikan Anugerah Zon Teraktif JKPZ 2019 - Zon Kota Masai 3.
- 8 Program Agihan Bantuan Kepada Golongan Sasar Terkesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Akibat Pandemik Covid-19.
- 9 Kempen Derma Darah Anjuran Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru.
- 10-11 Lensa MPPG Mei-Jun 2020.
- 12-17 EDISI KHAS : Kenali Pasir Gudang.
- 18-19 Yayasan Pasir Gudang.
- 20 LAMAN INFO : Senarai Dewan Di Bawah Pengurusan Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

AJK SIDANG REDAKSI 2020

PENASIHAT

Tuan Haji Zainor bin Adani
Yang Dipertua MPPG

KETUA EDITOR

Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd. Manap
Setiausaha MPPG

PENOLONG KETUA EDITOR

Encik Nik Masri bin Moharani
Pegawai Tadbir MPPG

PENGARANG

Encik Basar bin Kallil

PEMBERITA

Puan Nadztasha binti Mohd Puad

JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazil

DIREKTORI

JABATAN & UNIT MPPG

JABATAN / UNIT	NAMA	TELEFON
Yang Dipertua	Haji Zainor bin Adani	07-254 7701
Setiausaha	Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd. Manap	07-254 7702
Pembantu Khas Yang Dipertua/ Setiausaha Pejabat	Zanariah binti Haji Mohd Basri	07-254 7703
Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan	Haji Adnan bin Abd Ghani	07-254 7781
Ketua Jabatan Kewangan	Mariaton binti Ibrahim	07-254 7710
Ketua Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	Sr. Haji Mohd Ali bin Mohamed Abu Backer	07-254 7741
Ketua Jabatan Perancang Bandar	Haji Nor Rahman bin Mustafa	07-254 7726
Ketua Jabatan Kawalan Bangunan	Abd Majid bin Saphie	07-254 7724
Ketua Jabatan Kejuruteraan	Haji Ismail bin Mat Taib	07-254 7714
Ketua Jabatan Penguatkuasaan	Haji Sharif bin Idros	07-254 7752
Ketua Jabatan Kesihatan Awam	Haji Mohd Yusof bin Abd Wahab	07-254 7718
Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat	Hajah Rahamah binti Mahmood	07-254 7740
Ketua Unit Audit Dalaman	Abdul Malek bin Mohamed	07-254 7737
Ketua Unit Undang-Undang	Nurazam bin Razali	07-254 7723
Unit Korporat & Perhubungan Awam	Nik Masri bin Moharani	07-254 7705
Ketua Unit Pusat Sehenti	Sarimawati binti Misbari	07-254 7865
Ketua Cawangan Pesuruhjaya Bangunan	Siti Nurashikin binti Abdul Rahman Tan	07-254 7872

PEJABAT-PEJABAT CAWANGAN MPPG

PEJABAT CAWANGAN	NAMA	TELEFON
Perpustakaan Awam Pasir Gudang	Hajah Roslina binti Mohd Othman	07-251 7912
Pengurus Sarang Buaya	Abdul Malek bin Aziz	07-251 7208
Pengurus Yayasan Pasir Gudang	Shahrul Akmal bin Johari	07-254 7768
Muzium Layang-Layang	Nur Lina binti Abdul Karim	07-252 7796
Seramik Pasir Gudang	Mohd Junaidi bin Sahlan	07-252 8255
UTC Pasir Gudang	Mohd Shariman bin Shai In	07-255 6910
Pejabat Cawangan MPPG Jalan Gunung Seri Alam	Haji Sharif bin Idros	07-387 1025 07-387 1026 07-387 1027

PEJABAT AM

Aras 19, Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor
Tel : 07-254 7777 / 251 3720 Faks : 07-251 5260

Sebarang maklum balas atau pandangan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh MPPG hubungi kami melalui saluran di bawah :



07-254 7777



mppg@johor.gov.my



013-377 1710



MPPG : SISPA
mppg.spab.gov.my



07-251 5260



Majlis Perbandaran
Pasir Gudang



ANUGERAH ZON TERAKTIF JKPZ 2019

ANUGERAH ZON TERAKTIF adalah pertandingan yang dilaksanakan bermula 2009 bagi mencari komuniti paling aktif mempelbagaikan program kemasyarakatan sepanjang tahun dan dinilai dalam kawasan Pasir Gudang melalui kriteria permaknaan yang ditetapkan. Anugerah ini dianjurkan di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat yang melibatkan 24 buah zon di dalam kawasan pentadbiran Pasir Gudang. Kriteria pemenang dipilih berdasarkan Pengurusan Mesyuarat JKPZ, Pengurusan Kewangan, Program Kebersihan, Kesihatan, Kitar Semula, Pembangunan Sosial, Keselamatan, Ekonomi, Landskap, Pembelajaran Berterusan, Pelaksanaan Tanggungjawab Penduduk dan lain-lain lagi.

Sebanyak 20 penyertaan zon telah diterima di mana 17 zon menerima hadiah Saguhati penyertaan berjumlah RM500.00 setiap zon. Hadiah telah disampaikan oleh Tuan Haji Zainor Bin Adani, Tuan Yang Dipertua, diiringi Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd. Manap, Setiausaha MPPG, serta Puan Hajah Rahamah binti Mahmood, Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat. Hadiah keseluruhan adalah nilai projek berjumlah RM50,000.00 bagi tempat ketiga, RM100,000.00 bagi tempat kedua dan RM150,000.00 bagi johan.

Berikut merupakan senarai pemenang Anugerah Zon Teraktif 2019 :

Tempat Ketiga	: Zon Nusa Damai
Ahli Majlis	: Encik Wan Mohd Hazan Amru Bin Hasbullah
Pegawai Khas	: Puan Siti Famziah Binti Azman
Naib Johan	: Zon Kota Masai 3
Ahli Majlis	: Tuan Haji Sabarudin Bin Haji Burahan
Pegawai Khas	: Puan Hajah Norizan Binti Mohammad
Johan	: Zon Cahaya Masai
Ahli Majlis	: Tuan Haji Azizul Bin Haji Bachok
Pegawai Khas	: Puan Farah Wahidah Binti Nasruddin



Penyampaian 'mock cheque' kepada zon yang berjaya bagi Anugerah Zon Teraktif JKPZ 2019.

LAWATAN

YANG BERHORMAT TUAN HAJI AYOB BIN JAMIL, PENGURUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN NEGERI JOHOR

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG telah menerima lawatan kerja dari Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor pada 23 Jun yang lalu.

Dalam lawatan ini, Yang Berhormat telah diberi penerangan mengenai latar belakang MPPG, serta dasar pembangunan dan dasar belanjawan serta cadangan belanjawan yang dibentangkan oleh tuan Yang Dipertua, Tuan Haji Zainor bin Adani. Hadir sama dalam perbincangan ini, ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Unit MPPG. Dalam sesi lawatan ini, Yang Berhormat turut menerima cenderahati dari MPPG yang disampaikan oleh Yang Dipertua. Majlis berakhir dengan sesi bergambar bersama.



Yang Berhormat dalam sesi taklimat bersama Yang Dipertua.



Yang Berhormat bergambar bersama Yang Dipertua serta ketua-ketua Jabatan MPPG.

PROGRAM JALINAN MUAFAKAT DAN SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS) 2020

Bersama YANG BERHORMAT MENTERI PERPADUAN NEGARA

PROGRAM yang merupakan anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Johor dengan kerjasama Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga (JPKRT) Peringkat Daerah Johor Bahru telah diadakan pada 29 Jun bertempat di KRT Taman Mawar Fasa 1.

Program telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara. Hadir sama dalam program ini ialah, YB Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, Timbalan Menteri Perpaduan, Datuk Wan Suraya binti Wan Md Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Datuk Hisamuddin bin Muhd Sujak, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) serta Encik Zuri Ismail, Timbalan Ketua Pengarah (Bahagian Perancangan) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

Majlis bermula pada jam 9.00 malam dengan ketibaan Yang Berhormat Menteri. Seterusnya ucapan aluan dari Pengerusi JPKRT Pasir Gudang Tuan Haji Syed Md Fozi bin Syed Hassan dan taklimat Pengoperasian KRT & SRS turut disampaikan oleh beliau. Objektif penganjuran program adalah pendekatan Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, untuk turun padang dalam melihat sendiri rukun tetangga dan bersama-sama dalam rondaan sukarela (SRS) ke kawasan rukun tetangga Pasir Gudang.

Yang Berhormat Menteri telah menyampaikan ucapan perasmian dan seterusnya merasmikan majlis pada malam tersebut. Penyampaian sijil penghargaan Rakan Perpaduan juga diberikan kepada PDRM, AADK JPKRT dan MPPG dalam memupuk kesejahteraan bersama di kalangan komuniti.

Taklimat Pelaksanaan Rondaan (SRS) pula telah disampaikan oleh Pengerusi KRT Fasa 1, Taman Mawar, Tuan Haji Hashim Marsidi. Seterusnya Yang Berhormat Menteri telah dibawa membuat rondaan SRS bersama-sama KRT Taman Mawar Pasir Gudang. Program tamat pada jam 11.30 malam.



Yang Berhormat Menteri turut melawat 'booth' pameran yang disediakan.



Yang Berhormat Menteri Perpaduan, dibawa bersama dalam sesi rondaan SRS sekitar Taman Mawar Pasir Gudang.



Penyampaian projek diadakan di Aras 19 Menara Aqabah kepada Tuan Setiausaha MPPG.

PENYERAHAN PROJEK PERINTIS LALUAN BASIKAL ISKANDAR MALAYSIA DI MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

MAJLIS PENYERAHAN telah diadakan di Aras 19, Menara Aqabah oleh Mr Boyd Dion Ysius Joeman, *Lead Resilient Environment* IRDA kepada Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd. Manap, Setiausaha MPPG. Projek Laluan Berbasikal ini telah dilaksanakan oleh Iskandar Regional Development Authority (IRDA) yang bernilai Ringgit Malaysia Satu Juta bagi laluan berbasikal sepanjang satu kilometer sekitar Jalan Masjid dan Jalan Stadium. Laluan ini telah siap dibina dalam tempoh enam bulan sahaja dan telah mula digunakan oleh orang awam.

Semoga kemudahan yang disediakan ini, dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga Pasir Gudang disamping dapat menjalankan aktiviti riadah dan sukan berbasikal.





Sesi soal jawab selepas pembentangan taklimat.

TAKLIMAT PERKHIDMATAN PERUNDING PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN SEMULA DAN SENARAI NILAIAN BARU BAGI PEGANGAN BERKADAR DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



TAKLIMAT telah dianjurkan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPPG pada 22 Jun yang lalu bertempat di Auditorium Aras 3, Menara Aqabah. Perunding yang dilantik dalam sesi taklimat ini ialah Intra Harta Consultant Sdn. Bhd., Nilai Harta Consultant Sdn. Bhd., Fadzilah & Fikri Sdn. Bhd., Bahari & Co dan Mulia Assets Consultant Sdn. Bhd.

Taklimat telah disampaikan oleh Tuan Sr. Izzul Iz'an Bin Ismail, Pegawai Penilaian Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Hadir sama dalam taklimat ini ialah, Tuan Haji Sr. Mohamed Ali bin Haji Mohamed Abu Backer, Ketua Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPPG. Antara objektif taklimat adalah memberi penerangan dan kaedah yang jelas mengenai penyediaan Senarai Nilai Baru (*New Valuation List*) berdasarkan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Pihak MPPG telah melantik lima perunding bagi melaksanakan kerja-kerja Penilaian Am Semula Pegangan Berkadar Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Pasir Gudang melibatkan hampir 92,000 pegangan bermula 15 Jun 2020 hingga 14 April 2021.

MAJLIS MERAIKAN ANUGERAH ZON TERAKTIF JKPZ 2019 - ZON KOTA MASAI 3



ZON KOTA MASAI 3 telah menganjurkan satu majlis jamuan minum petang bagi meraikan kejayaan dalam Anugerah Zon Teraktif JKPZ 2019. Zon Kota Masai 3 telah mendapat tempat kedua dan membawa pulang hadiah projek bernilai RM100,000.00. Hadir dalam majlis ini, Pengerusi Zon, Tuan Haji Sabarudin bin Haji Burahan. Pegawai Khaz Zon, Puan Hajah Norizan binti Mohammad serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Zon.

Penyampaian cenderahati penghargaan turut diberikan kepada Pegawai Khas Zon serta barisan Ahli Jawatankuasa Zon Kota Masai 3 bagi tahun 2019. Majlis berakhir dengan jamuan minum petang dan sesi bergambar bersama.



Penyampaian cenderahati penghargaan kepada Pegawai Khas Zon, Puan Hajah Norizan binti Mohammad.



Sesi bergambar bersama selepas majlis tamat.

PROGRAM AGIHAN BANTUAN

KEPADA GOLONGAN SASAR TERKESAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) AKIBAT PANDEMIK COVID-19



PELBAGAI USAHA telah dilakukan oleh pihak kerajaan sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan negeri dalam memberikan sokongan dan bantuan kepada golongan sasaran yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat dari penularan pandemik Covid-19. MPPG juga tidak terkecuali dalam menjalankan tanggungjawab sosial ini kepada masyarakat khususnya warga penduduk Pasir Gudang.

Sehubungan itu, pemberian peruntukan berjumlah RM5,000.00 telah diberikan kepada 24 buah zon di bawah pentadbiran MPPG untuk disalurkan kepada golongan sasaran. Bantuan ini merupakan satu inisiatif MPPG menerusi Ahli Majlis dalam membantu golongan sasaran di zon masing-masing yang terkesan dan terjejas dengan keadaan PKP dan pandemik Wabak Covid-19 yang melanda selain membantu meringankan beban hidup golongan yang terkesan agar dapat memenuhi keperluan asas dalam meneruskan kelangsungan hidup. Golongan B40 merupakan golongan sasaran, terutama bagi kategori miskin am dan miskin tegar. Penerima juga mestilah merupakan warganegara Malaysia.

Sumbangan telah disalurkan dalam bentuk wang ringgit dan keperluan asas di mana jumlah sumbangan maksimum bernilai RM50.00 untuk satu keluarga. Dengan peruntukan ini, sebanyak 100 buah keluarga bagi setiap zon atau 2,400 orang penduduk Pasir Gudang mendapat manfaat.



KEMPEN DERMA DARAH ANJURAN HOSPITAL SULTANAH AMINAH (HSA) JOHOR BAHRU

SATU KEMPEN DERMA DARAH telah diadakan di Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang pada 21 Jun yang lalu. Program ini adalah bertujuan bagi mendapatkan bekalan darah yang semakin berkurangan di hospital kerajaan khususnya akibat pandemik Covid-19 yang melanda dunia ketika ini.

Kempen yang berlangsung selama sehari ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari pengunjung Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang (KPBPG), juga dari orang ramai yang hadir semata-mata ingin menyertai aktiviti derma darah yang dijalankan.



KEMPEN DERMA DARAH HSAJB



21 JUN 2020 (AHAD)
10.00 AM - 4.00 PM
Ruang Atrium,
UTC PASIR GUDANG

*Jadual tertakluk kepada sebarang perubahan
*Sila hadir 30 minit awal sebelum waktu tamat

BE A
BLOOD DONOR



Safe Blood
Save Lives

Jadual Kempen Derma Darah Johor Bahru

Dengan kerjasama:



LENSA MPPG

MEI & JUN 2020

**PENYERAHAN PROJEK PERINTIS LALUAN BASIKAL
ISKANDAR MALAYSIA DI MAJLIS PERBANDARAN
PASIR GUDANG (3/6/2020)**



**TAKLIMAT PERKHIDMATAN PERUNDING PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN
SEMULA DAN SENARAI NILAIAN BAGI PEGANGAN BERKADAR DI KAWASAN
PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG (22/6/2020)**



**LAWATAN YANG BERTHORMAT TUN HAJI
AYOB BIN JAMIL, PENERUS JAWATANKUASA
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
NEGERI JOHOR (23/6/2020)**



PROGRAM JALINAN MUFAKAT DAN SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS) 2020 BERSAMA YANG BERHORMAT MENTERI PERPADUAN NEGARA (27/6/2020)



ANUGERAH ZON TERAKTIF JKPZ 2019 (30/6/2020)



LAWATAN PENGESAHAN KELULUSAN PROJEK SEDIA ADA BAGI MENAIKTARAF BANDARAYA BERSAMA JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA (30/6/2020)



EDISI KHAS KENALI

Pasir Gudang

MUZIUM LAYANG-LAYANG



Pasir Gudang



MUZIUM LAYANG-LAYANG PASIR GUDANG merupakan muzium layang-layang pertama di Malaysia. Berdiri megah di Bukit Layang-Layang, kewujudan muzium ini

adalah sebagai satu tanda penghargaan terhadap sumbangan para pelayang di Malaysia dan di peringkat global.

Berbekalkan kesedaran dan wawasan untuk memartabatkan pusaka bangsa ini di samping menghargai hasil kerja yang disumbangkan, maka pihak Majlis Perbandaran Pasir Gudang dengan kerjasama Majlis Pelayang Malaysia dan Persatuan Pelayang Johor telah merealisasikan impian tersebut dengan terbinanya Muzium Layang-Layang Pasir Gudang pada bulan Februari 2002 ketika berlangsungnya Festival Layang-Layang Antarabangsa Pasir Gudang Yang ke-7. Mula dibuka kepada orang ramai pada 9 Februari 2002.



Pasir Gudang KRAF

PASIR GUDANG KRAF menghasilkan produk seramik menggunakan teknik 'under glaze'.




Keunikan produk Pasir Gudang Kraf terserlah oleh konsep yang eksklusif bermotifkan seni khat kaligrafi islam yang dihasilkan dengan lukisan tangan dan corak kontemporari bermotifkan alam semulajadi, batik dan songket.



Pasir Gudang Kraf juga menyediakan jualan cenderamata seramik untuk pengunjung yang hadir.





SANTUARI BUAYA TEMBAGA

DIBANGUNKAN di dalam kawasan hutan paya bakau dan terletak bersebelahan dengan Pelabuhan Tanjung Langsat. Terletak 18 km dari Pusat Bandar Pasir Gudang, 45 km dari Johor Bahru merupakan sebuah pusat ekopelancongan mesra alam dengan konsep utamanya sebagai Santuari Buaya Tembaga yang mampu menempatkan dan mempamerkan lebih 100 ekor buaya dari pelbagai saiz dan peringkat umur di dalam 6 buah kolam khas yang dibina.

Buaya Tembaga merupakan spesies buaya tempatan yang hampir pupus serta dilindungi sepenuhnya oleh Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Sarang Buaya juga mempunyai keunikannya tersendiri kerana struktur binaan kolam yang menyerupai tapak kaki.

Santuari Buaya Tembaga mula dibuka kepada orang ramai pada 9 Februari 2009.



HARGA TIKET KEMASUKAN



16

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG | 2020



MUZIUM LAYANG-LAYANG PASIR GUDANG

Peringkat Umur	Harga tiket (RM)
WARGANEGARA MALAYSIA Dewasa Kanak-kanak (5-12 tahun)	RM2.00 RM1.00
BUKAN WARGANEGARA Kanak-kanak / Dewasa	RM3.00
AKTIVITI TAMBAHAN Bengkel layang-layang	RM3.00

SARANG BUAYA

WARGANEGARA MALAYSIA	Harga tiket (RM)	Diskaun (RM)
Dewasa (19 tahun ke atas)	RM8.00	RM4.00
Remaja (13-18 tahun)	RM6.00	RM3.00
Kanak-kanak (5-12 tahun)	RM4.00	RM2.00
Penuntut IPTA/IPTS	RM5.00	RM2.00
Pelajar Sekolah Menengah & Rendah	RM3.00	RM1.50
Pelajar Tadika	RM2.00	RM1.00
BUKAN WARGANEGARA		
Dewasa (19 tahun ke atas)	RM16.00	RM8.00
Remaja (13-18 tahun)	RM12.00	RM6.00
Kanak-kanak (5-12 tahun)	RM8.00	RM4.00
AKTIVITI TAMBAHAN		
Memberi makan buaya	RM5.00	-



EDISI KHAS
KENALI

Pasir Gudang

Fun Map Pasir Gudang



TAMAN REKREASI

Selain terkenal dengan destinasi pelancongan bagi Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang, Muzium Layang-Layang yang menempatkan ribuan koleksi layang-layang dari serata dunia, juga keunikan kraf seni khat kaligrafi Islam dalam penghasilan setiap cenderamata pasu, Majlis Perbandaran Pasir Gudang juga mempunyai beberapa Taman Rekreasi yang cantik, indah dan selesa dikunjungi bagi melakukan aktiviti sukan dan rekreasi. Berikut merupakan senarai Taman Rekreasi di bawah pengurusan Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Taman Bandar Pasir Gudang

Dibina pada tahun 1992 dan berkeluasan 140 ekar. Taman ini telah dinaik taraf pada tahun 2016. Taman yang terletak di Jalan Masjid Pasir Gudang ini menempatkan pelbagai kemudahan dan bangunan, antaranya sebuah muzium, 2 buah astaka, sebuah bangunan pejabat taman, pondok pengawal, dua buah surau, 22 buah wakaf kayu, 3 buah *cabana*, sebuah jeti, 5 buah pergola serta 1 *food kiosk*.



Laman Ekstrem Pasir Gudang

Dibina pada tahun 2017, Laman Ekstrem ini juga telah mendapat peruntukan pembinaannya dari Khazanah Nasional Berhad. Merupakan satu-satunya laman yang dibina dengan begitu komprehensif disamping memberikan kemudahan sukan seperti *skate plaza* dan *archery shelter*. Selain itu, laman ini turut dilengkapi beberapa prasarana lain antaranya jambatan, *wading pool*, *shelter*, *cafe*, tandas dan sebuah *amphitheater*. Laman ini turut memberikan kemudahan laluan berbasikal sepanjang 2 kilometer mengelilingi kawasan stadium dan laman ekstrem ini.



EDISI KHAS KENALI

Pasir Gudang

Laman Rekreasi Sungai Buloh

Terletak di Sungai Buloh Jalan Sena Pasir Gudang. Laman ini dibina pada tahun 1995 yang menempatkan sebuah astaka, 2 buah surau dan dua buah tandas.



Tasik Dahlia

Berkeluasan 14.5 ekar, lokasi Tasik Dahlia adalah berhadapan dengan Masjid Jamek Pasir Gudang. Menempatkan sebuah gerai makan, 5 buah wakaf pondok serta 3 buah jambatan.



TASIK PERDANA

Tasik Perdana

Terletak di Taman Bukit Dahlia Pasir Gudang, dibina pada tahun 2006, taman ini berkeluasan 11.5 ekar.





Taman Tasik Seri Alam

Terletak di Jalan Lembah Seri Alam Pasir Gudang, taman ini dahulunya di bawah pengurusan Seri Alam Properties dan diserahkan sepenuhnya kepada MPPG pada tahun 2018. Berkeluasan 10 ekar, taman ini mempunyai 2 buah jeti, 2 buah jambatan kecil serta 2 buah wakaf pondok.



Taman Rekreasi Paya Bakau

Bersebelahan dengan Santuari Sarang Buaya Pasir Gudang, taman rekreasi ini dibangunkan pada tahun 2012, berkeluasan 60 ekar diliputi pokok kayu bakau. Taman ini mempunyai 2 buah menara tinjau dan 2 buah wakaf pondok.

Taman Buluh Madu

Taman Buluh Madu terletak berhampiran dengan Tapak Semaian MPPG di Jalan Sena Pasir Gudang. Menempatkan puluhan pokok buluh madu serta berkeluasan satu ekar.



SUMBANGAN PERAYAAN DAN COVID-19 YAYASAN PASIR GUDANG

TARIKH : 10 MEI 2020 - 2 JUN 2020
MASA : 10.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI
TEMPAT : 24 ZON PENTADBIRAN MPPG

PROGRAM ini juga merupakan program tahunan bagi meraikan bersama-sama masyarakat di Pasir Gudang yang menyambut perayaan. Antara objektif dianjurkan adalah bagi meringankan beban masyarakat kurang berkemampuan bagi menyambut hari perayaan. Bagi meraikan hari perayaan masyarakat pelbagai kaum dalam kawasan Pasir Gudang. Setiap penerima menerima sumbangan barangan keperluan asas.

Agensi yang terlibat dalam aktiviti sumbangan ini ialah, MPPG, Yayasan Pasir Gudang (YPG), Yayasan MyKasih (Dialog Group) dan Pejabat Daerah Johor Bahru. Berikut merupakan jadual pergerakan penyerahan sumbangan secara rumah ke rumah :

JADUAL PERGERAKAN PENYERAHAN SUMBANGAN SECARA RUMAH KE RUMAH

TARIKH
10 MEI 2020

SUMBANGAN
PERAYAAN AIDILFITRI
2020 DAN COVID-19

TAJAJAN / KERJASAMA
SOUTHERN POWER
GENERATION SDN BHD



TARIKH
18 MEI 2020



SUMBANGAN
GERAKAN PRIHATIN COVID-19 MASYARAKAT
ORANG ASLI



TARIKH
18-19 MEI 2020



SUMBANGAN
PERAYAAN AIDILFITRI
2020 DAN COVID-19



TAJAJAN / KERJASAMA
JOHOR PORT
SDN BHD



TARIKH
20-21 MEI 2020



SUMBANGAN
SUMBANGAN KURNIAAN
DYMM TUANKU
SULTAN JOHOR



TAJAJAN / KERJASAMA
YAYASAN SULTAN
IBRAHIM JOHOR



TARIKH
1-2 JUN 2020



SUMBANGAN
PERAYAAN HARI GAWAI 2020



LAMAN INFO

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

SENARAI DEWAN

DI BAWAH PENGURUSAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

DEWAN / BALAIRAYA

- 1 Dewan Raya Taman Air Biru
- 2 Dewan Terbuka Taman Air Biru
- 3 Dewan Serbaguna Taman Cendana
- 4 Dewan Serbaguna Taman Kota Masai
- 5 Dewan Serbaguna Kg Kopok Baru
- 6 Dewan Muafakat Jalan Ciku, Kota Masai
- 7 Dewan Serbaguna Taman Pasir Putih
- 8 Dewan Serbaguna Taman Nusa Damai
- 9 Dewan Serbaguna Taman Scientex
- 10 Dewan Muafakat Kg Pasir Putih
- 11 Dewan Raya Masai
- 12 Dewan Raya Jalan Gunung, Seri Alam
- 13 Dewan Raya Jalan Suria, Seri Alam
- 14 Dewan Serbaguna Taman Rinting
- 15 Dewan Muafakat Taman Bukit Dahlia
- 16 Dewan Muafakat Taman Cahaya Masai
- 17 Dewan Muafakat Taman Bistari Perdana
- 18 Dewan Serbaguna Taman Mawar

***Sebarang urusan pertanyaan sewaan, sila hubungi
Majlis Perbandaran Pasir Gudang di talian 07-254777
(Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta - Bahagian
Sewaan Dewan).*



**DEWAN MUFAKAT
TAMAN BUKIT DAHLIA**

**DEWAN SERBAGUNA
TAMAN MAWAR**



**DEWAN RAYA
BANDAR SERI ALAM**

**DEWAN SERBAGUNA
TAMAN PASIR PUTIH**



**DEWAN KAMPUNG
PASIR PUTIH**

**DEWAN SERBAGUNA
TAMAN NUSA DAMAI**



DEWAN RAYA MASAI

**DEWAN SERBAGUNA
KOTA MASAI**



**DEWAN MUFAKAT
JALAN CIKU**



**DEWAN SERBAGUNA
TAMAN SCIENTEX**

SALURAN ADUAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



TELEFON

07-254 7777



FAKS

07-251 5260



EMEL

mppg@johor.gov.my



SKUAD TINJAU

013-377 1710

**APLIKASI MUDAH ALIH
DARIPADA KPKT**



UNTUK BERITA DAN INFORMASI LAYARI



Majlis Perbandaran Pasir Gudang &



Yang Dipertua MPPG